

# Silat Cekak Pusaka Hanafi UMS promosi silat kepada masyarakat

UB 8.5.2015 A14



**SISWA SISWI** menjalankan aktiviti membersihkan kawasan pantai.

KOTA KINABALU: Seramai 100 pesilat Kelab Silat Cekak Pusaka Hanafi (SCPH) Universiti Malaysia Sabah (UMS) turut serta dalam ‘Program 1Malaysia Green 1Malaysia Clean’ di Taman Awam Teluk Likas Kota Kinabalu, baru-baru ini.

Menurut Yang Dipertua SCPH UMS Mohd Syaffezh Edham Ahmed, program anjuran Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia Negeri Sabah dengan

SCPH itu bertujuan menarik penglibatan golongan muda dalam seni mempertahankan diri dan mendidik disiplin diri.

“Penyertaan sukarela siswa-siswi UMS merupakan salah satu tanda sokongan kelab itu dalam penganjuran yang dapat memberi manfaat kepada golongan muda,” katanya ketika ditemui media pada program itu.

Tambahnya, penglibatan SCPH dalam program itu juga bagi mempromosikan ‘My

Silat My Fest 2015’ yang akan menghimpunkan seramai 50,000 pesilat seluruh negara pada 29 Ogos 2015 di Kuala Lumpur.

Syaffezh berkata, ‘My Silat My Fest 2015’ bakal mencipta sejarah dalam World Guinness Book of Records bagi kategori silat terbesar sekaligus menaikkan nama sukan silat di mata dunia setanding dengan Taekwondo dan Karate.

“SCPH pernah mencipta sejarah di Malaysia Book

of Records bagi kategori persempahan silat terbesar dan persempahan silat kesemua wanita terbesar pada tahun 2010,” katanya.

Program 1Malaysia Green 1Malaysia Clean menyaksikan pengisian pelbagai aktiviti menarik termasuklah acara gotong-royong membersihkan kawasan Teluk Likas serta persempahan silat daripada pesilat SCPH, Silat Seni Gayung Fatani dan Silat Raja Pukulan Awang Daik.